



**INFORMASI UMUM KEPADA SEMUA AHLI SEUMUR HIDUP POMM,
PERSATUAN OLAHRAGA MASTER NEGERI DAN SEMUA ATLET
MASTER DI MALAYSIA**

PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA (POMM) sebagai persatuan induk untuk sukan olahraga master dan untuk semua atlet master, berharap semua atlet master mematuhi perlembagaan POMM, By-Law POMM, serta semua arahan/panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, agar urusan pengurusan berjalan dengan lancar. Semua penambahbaikan yang diputuskan dan dikuatkuasakan adalah untuk kesejahteraan atlet-atlet master semasa menyertai dalam semua kejohanan olahraga master termasuk kejohanan-kejohanan olahraga master yang diiktiraf dan dianjurkan oleh World Master Athletics (WMA) dan Asia Masters Athletics (AMA).

Sekali lagi kami ingin mengingatkan bahawa, atlet-atlet master yang berminat untuk menyertai dalam kejohanan-kejohanan olahraga master boleh mendaftar dengan syarat mereka adalah berupaya dari segi fizikal dan mental untuk bertanding serta mampu membiayai sendiri semua perbelanjaan yang berkaitan dengan penyertaannya.

Bagi kejohanan-kejohanan yang diiktiraf oleh WMA dan AMA, POMM akan menguruskan atlet-atlet master negara dalam urusan mendaftar secara online, mengesahkan setiap atlet yang mendaftar, mengutip dan membayar yuran penyertaan secara 'bank transfer', melantik Pengurus Pasukan untuk mengurus pasukan dll tugas yang berkaitan.

POMM juga akan menyediakan pakaian sukan seperti Baju T, running vest, Track suit dll (pembekalan pakaian sukan adalah bergantung kepada kedudukan kewangan – sekiranya mampu kesemua 3 jenis pakaian akan disediakan atau pun hanya Baju T, atau Vest atau pun kedua-duanya) kepada atlet-atlet dan pegawai-pegawai pasukan. Atlet-atlet yang telah mendaftar dan yang telah disahkan (Validate) oleh POMM, diwajibkan memakai pakaian sukan yang disediakan sepanjang kejohanan apabila bertanding di trek/padang/jalanraya serta semasa upacara rasmi seperti menerima hadiah dan Upacara Perasmian Pembukaan/Penutupan dll.

POMM tidak pernah dan tidak bersetuju untuk menjual pakaian sukan kepada atlet-atlet yang menyertai dalam kejohanan-kejohanan yang diiktiraf dan dianjurkan oleh WMA , AMA dan ahli-ahlinya , kerana POMM tidak ingin membebankan atlet-atlet master kita (kecuali timbulnya situasi khas di masa hadapan, di mana Lembaga Eksekutif yang akan menentukan Tindakan yang sepatutnya).

Mana-mana pihak termasuk Persatuan Olahraga Master Negeri dan atlet-atlet master individu juga tidak boleh mengambil kesempatan menjalankan perniagaan seperti menjual pakaian sukan dll kepada atlet-atlet master dengan menggunakan nama Malaysia/ kejohanan-kejohanan Olahraga Master AMA/ WMA dan acara-acara yang diiktiraf oleh WMA dan AMA.

Sekian.

Lembaga Eksekutif POMM

11 Julai 2026